

# PRUDENTIAL BSN

---

## TAKAFUL

**Melakar Kejayaan dalam Perniagaan  
dengan Perlindungan Pekerja**



Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (“TIPS”) PIDM atau hubungi Prudential BSN Takaful Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

Prudential BSN Takaful Berhad  
200601020898 (740651-H)

Ahli PIDM

## MENGUTAMAKAN KESEJAHTERAAN PEKERJA ANDA

Organisasi yang bertanggungjawab dan prihatin akan berusaha untuk menyediakan persekitaran kerja yang baik dengan manfaat pekerja yang komprehensif bagi memastikan kesejahteraan pekerja sentiasa terjaga. Ini adalah elemen penting dalam pengurusan tenaga kerja yang memberi motivasi kepada pekerja untuk melakukan yang terbaik dan menyumbang kepada perkembangan perniagaan untuk jangka masa panjang.

Kami dengan sukacitanya memperkenalkan **PruBSN SME@Work**, iaitu pelan pakej kumpulan yang direka khusus untuk menyediakan perlindungan komprehensif dan penjagaan kesihatan yang menyeluruh kepada pekerja anda serta ahli keluarga mereka pada masa yang diperlukan. Sebagai majikan yang prihatin, anda boleh memberikan sokongan dengan menawarkan perlindungan kepada pekerja anda untuk menghadapi sebarang keadaan yang tidak diduga.



# MANFAAT-MANFAAT

## Manfaat Asas

**Group Term Takaful (GTT)** menyediakan manfaat sekaligus sekiranya berlaku kematian atau Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD) kepada Ahli yang Dilindungi semasa tempoh perlindungan<sup>1</sup> atau sebelum umur 70 tahun pada hari jadi akan datang, yang mana lebih awal. Manfaat ini pada dasarnya memberikan sokongan bahawa orang yang mereka sayangi boleh meneruskan kehidupan mereka sekiranya sebarang keadaan yang tidak diduga menimpa mereka.

## Manfaat-manfaat Pilihan



### Manfaat Elaun Khairat Kematian (CA)

Manfaat pilihan CA ini menyediakan manfaat sekaligus sekiranya berlaku kematian Ahli yang Dilindungi.

Selain itu, RM1,000 juga akan dibayar sekiranya berlaku kematian pasangan (terhad kepada satu pasangan sahaja) dan RM500 akan dibayar sekiranya berlaku kematian anak (sehingga tiga orang anak).



### Manfaat Group Accidental Death and Disablement (GADD)

Kemalangan boleh berlaku pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Manfaat pilihan ini menyediakan jumlah pampasan sekaligus selaras dengan Skala Manfaat<sup>2</sup> sekiranya Ahli yang Dilindungi meninggal dunia atau mengalami kecederaan tubuh badan (contohnya kehilangan jari, anggota badan, penglihatan dan lain-lain) akibat kemalangan.



### Manfaat Group Partial and Permanent Disability (GPPD)

Manfaat pilihan GPPD ini menyediakan jumlah pampasan sekaligus selaras dengan Skala Manfaat<sup>2</sup> sekiranya Ahli yang Dilindungi mengalami kecederaan tubuh badan akibat sebarang kejadian.



### Manfaat Group Terminal Illness (GTI)

Manfaat pilihan GTI ini membayar manfaat sekaligus kepada Ahli yang Dilindungi yang didiagnosis dengan Penyakit Terminal.

Bayaran manfaat asas GTT akan dikurangkan dengan jumlah yang dibayar untuk manfaat GTI.



### Manfaat Group Critical Illness (GCI)/Manfaat Group Critical Illness Additional (GCIA)

Manfaat pilihan ini membayar manfaat sekaligus kepada Ahli yang Dilindungi yang didiagnosis dengan mana-mana 43 Penyakit Kritikal<sup>3</sup> yang dilindungi.

Dengan ini, ia membantu mengurangkan beban kewangan mereka supaya mereka dapat menumpukan perhatian kepada proses pemulihan. Bayaran manfaat GCI akan mengurangkan amaun manfaat GTT, sementara bayaran manfaat GCIA tidak akan mengurangkan amaun manfaat GTT.



### Manfaat Group Accidental Medical Reimbursement<sup>4</sup> (GAMR)

Jika Ahli yang Dilindungi mengalami kecederaan tubuh badan akibat kemalangan, manfaat pilihan GAMR ini membayar balik perbelanjaan perubatan yang ditanggung untuk rawatan, caj hospital dan yuran kejururawatan sehingga amaun manfaat bagi pelan yang dipilih bagi setiap kemalangan.



### Manfaat Group Employee Takaful Income (GETI)

Manfaat pilihan GETI ini menyediakan manfaat tahunan sehingga 10 tahun sekiranya Ahli yang Dilindungi mengalami TPD.



### Manfaat Group Hospital and Surgical (GHS)

Manfaat pilihan ini menyediakan 6 pilihan manfaat perubatan komprehensif untuk menjaga kebaikan pekerja anda apabila mereka dimasukkan ke hospital atau dikehendaki menjalani prosedur pembedahan. Perlindungan GHS boleh dipanjangkan kepada pasangan dan anak-anak pekerja anda.

Semua manfaat di atas adalah terpakai di seluruh dunia, tertakluk kepada keperluan 90 hari tempoh menetap. Sila rujuk Lampiran Keterangan Produk dan Dokumen Sijil untuk maklumat lanjut mengenai ciri-ciri pelan berserta terma dan syarat.

<sup>1</sup>Tempoh perlindungan pelan ini adalah setahun.

<sup>2</sup>Sila rujuk kepada Skala Manfaat seperti yang ditunjukkan dalam Lampiran 1 untuk maklumat lanjut.

<sup>3</sup>Sila rujuk kepada Lampiran Keterangan Produk untuk senarai penuh 43 Penyakit Kritikal.

<sup>4</sup>Boleh disertakan jika GPPD atau GADD dipilih.

# MENGENAI PruBSN SME@WORK

## 1. Apakah perlindungan yang diberikan oleh PruBSN SME@Work?

PruBSN SME@Work adalah pelan takaful berkumpulan yang boleh diperbaharui secara tahunan, di mana ia terdiri daripada perlindungan manfaat asas untuk kematian atau TPD di bawah GTT dan beberapa manfaat pilihan iaitu CA, GCI/GCIA, GTI, GADD, GPPD, GAMR, GETI dan GHS.

## 2. Apakah manfaat pilihan dan pakej yang ditawarkan di bawah PruBSN SME@Work?

Anda mempunyai fleksibiliti untuk memilih salah satu pelan di bawah (*Pelan 1 hingga Pelan 6*) untuk setiap kategori pekerjaan. Semua pekerja anda bagi kategori pekerjaan yang sama mesti mendaftar dalam pelan yang sama.

Manfaat Asas	Amaun Manfaat (RM)					
	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5	Pelan 6
Group Term Takaful (GTT)	20,000	30,000	60,000	100,000	150,000	200,000
Manfaat Pilihan	Amaun Manfaat (RM)					
Manfaat Elaun Khairat Kematian (CA)	1,000	2,000	2,000	3,000	4,000	5,000
Manfaat Group Accidental Death and Disablement (GADD)	20,000	30,000	60,000	100,000	150,000	200,000
Manfaat Group Partial and Permanent Disability (GPPD)	20,000	30,000	60,000	100,000	150,000	200,000
Manfaat Group Terminal Illness (GTI)*	20,000	30,000	60,000	100,000	150,000	150,000
Manfaat Group Critical Illness (GCI)*	10,000	15,000	30,000	50,000	75,000	100,000
Manfaat Group Critical Illness Additional (GCIA)*	10,000	15,000	30,000	50,000	75,000	100,000
Manfaat Group Accidental Medical Reimbursement (GAMR)	1,000	1,500	2,000	3,000	4,000	5,000
Manfaat Group Employee Takaful Income (GETI)	2,000	3,000	6,000	10,000	15,000	20,000
Manfaat Group Hospital and Surgical (GHS)	Mengikut Pelan GHS terpilih					

\*GCI tidak boleh disertai dengan GCIA dan GTI. GTI boleh disertai dengan GCIA.

Anda mempunyai pilihan untuk memilih mana-mana satu pelan GHS di bawah (*Pelan A hingga Pelan F*) untuk setiap kategori pekerjaan.

### Jadual Manfaat untuk Manfaat Group Hospital and Surgical (GHS)

Manfaat GHS	Manfaat (RM)					
	Pelan A	Pelan B	Pelan C	Pelan D	Pelan E	Pelan F
<b>A. PERBELANJAAN HOSPITAL</b>						
Manfaat Bilik dan Penginapan Hospital (Maksimum harian sehingga 180 hari bagi setiap tahun Lampiran)	80	100	150	200	250	350
Manfaat Unit Rawatan Rapi (Maksimum harian sehingga 30 hari bagi setiap tahun Lampiran)	500	500	500	500	500	500
Bekalan dan Perkhidmatan Hospital	Seperti yang Dicaj <sup>5</sup>					
<b>B. PERBELANJAAN UNTUK PEMBEDAHAN</b>						
Manfaat Pembedahan Harian						
Manfaat Rundingan dan Diagnosis Sebelum Pembedahan (dalam masa 90 hari sejurus sebelum tarikh masuk ke hospital)						
Manfaat Perbelanjaan Pembedahan (termasuk Pembedahan harian) (Rawatan Selepas Pembedahan maksimum sehingga 90 hari sejurus selepas tarikh Pembedahan)	Seperti yang Dicaj <sup>5</sup>					
Manfaat Bayaran Pakar Bius						
Manfaat Bayaran Bilik Pembedahan						
<b>C. PERBELANJAAN BUKAN UNTUK PEMBEDAHAN</b>						
Manfaat Rundingan Pakar dan Ujian Diagnostik Sebelum Kemasukan Hospital (dalam masa 90 hari sejurus sebelum tarikh masuk hospital)						
Manfaat Lawatan Doktor dalam Hospital (Maksimum 2 lawatan sehari, sehingga 180 hari bagi setiap tahun Lampiran)	Seperti yang Dicaj <sup>5</sup>					
Manfaat Rawatan Selepas Keluar Hospital (dalam masa 90 hari sejurus selepas tarikh keluar hospital)						

### Jadual Manfaat untuk Manfaat Group Hospital and Surgical (GHS)

Manfaat GHS	Manfaat (RM)					
	Pelan A	Pelan B	Pelan C	Pelan D	Pelan E	Pelan F
<b>D. PERBELANJAAN LAIN</b>						
Manfaat Bayaran Ambulans						
Manfaat Rawatan Kecemasan Pesakit Luar Akibat Kemalangan (Rawatan susulan sehingga 60 hari sejurus selepas tarikh Kemalangan)						Seperti yang Dicaj <sup>5</sup>
Manfaat Rawatan Kecemasan Pergigian Akibat Kemalangan (Rawatan susulan sehingga 14 hari sejurus selepas tarikh Kemalangan)						
<b>E. PERLINDUNGAN TAMBAHAN</b>						
Manfaat Pendapat Kedua tentang Pembedahan						
Manfaat Rawatan Kanser Pesakit Luar						
Manfaat Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar						Seperti yang Dicaj <sup>5</sup>
Manfaat Fisioterapi Pesakit Luar						
Manfaat Pembayaran Balik Cukai						
Pembayaran Balik Yuran Laporan Perubatan	100	100	100	100	100	100
Elaun Tunai Harian Hospital Kerajaan (maksimum harian sehingga 180 hari)	50	70	100	125	150	200
<b>Had Tahunan Keseluruhan</b>	<b>15,000</b>	<b>20,000</b>	<b>40,000</b>	<b>50,000</b>	<b>60,000</b>	<b>100,000</b>
Pra-kebenaran Tuntutan (Surat Jaminan), tertakluk pada terma dan syarat	Boleh didapati di Hospital Panel					

<sup>5</sup>Tertakluk pada Caj sebenar, Berpatut dan Biasa Diamalkan dan Had Tahunan Keseluruhan.

### 3. Siapakah yang boleh menyertai PruBSN SME@Work?

Semua kakitangan, pengarah, rakan kongsi dan pemilik yang terlibat dalam mana-mana pekerjaan sepenuh masa atau sambilan untuk saraan atau keuntungan di bawah kontrak pekerjaan dengan anda layak untuk pelan ini.

Umur pembaharuan maksimum adalah 69 tahun. Perlindungan takaful hendaklah disediakan kepada semua kategori pekerja yang diwajibkan. Pekerja asing hanya diterima sekiranya mereka bekerja secara sah dengan permit kerja Malaysia yang sah. Semua manfaat adalah terpakai untuk Kelas Pekerjaan 1 hingga 4.

Berikut adalah ringkasan umur yang layak bagi setiap manfaat yang ditawarkan di bawah **PruBSN SME@Work**:

Manfaat	Ahli yang Layak	Umur Kemasukan Minimum	Umur Kemasukan Maksimum	Umur Tamat Tempoh Maksimum
GTT GADD GPPD GTI GCI/GCIA GAMR GETI	Pekerja sahaja	16	65	70
CA & GHS	Pekerja & Pasangan	16	65	70
	Anak	14 hari	19 tahun atau 23 tahun (sekiranya belajar sepenuh masa)	20 tahun atau 24 tahun (sekiranya belajar sepenuh masa)

Pengambilalihan boleh dilakukan berdasarkan kes ke kes. Salinan Jadual Manfaat yang dilindungi sedia ada, senarai ahli, dan sejarah tuntutan tahun sebelumnya diperlukan untuk dipertimbangkan. Pendaftaran di bawah **PruBSN SME@Work** seharusnya sama atau kurang daripada perlindungan yang sedia ada. Tempoh perlindungan mesti diteruskan dari tarikh akhir sijil daripada pengendali takaful terdahulu sebelum sebarang pengambilalihan boleh dilakukan. Kami boleh menolak sebarang permohonan pengambilalihan.

### 4. Apakah caj-caj yang dikenakan dalam **PruBSN SME@Work**?

Jenis-jenis Caj	Amaun
Caj Wakalah	40% daripada jumlah sumbangan takaful yang dibayar (jumlah sumbangan tidak termasuk dengan Caj TPA, jika ada dan cukai perkhidmatan). Caj ini membolehkan PruBSN membayar komisen dan perbelanjaan lain.
Caj Pentadbiran Pihak Ketiga (TPA)	Caj ini adalah untuk perbelanjaan servis pihak ketiga yang dikenakan untuk manfaat GHS (jika ada).
Cukai Perkhidmatan	Cukai perkhidmatan akan dikenakan ke atas jumlah sumbangan yang dibayar untuk sijil-sijil yang dimiliki oleh organisasi perniagaan. Kadar cukai ini mungkin berubah berdasarkan kadar semasa di bawah undang-undang percuakaian tempatan Malaysia.
Duti Setem	Duti setem sebanyak RM10 dikenakan untuk setiap perniagaan baru dan pembaharuan perniagaan.

## **5. Berapakah sumbangan yang perlu saya bayar dan berapa lama saya perlu membayar sumbangan?**

Jumlah sumbangan yang perlu anda bayar mungkin bergantung kepada, tetapi tidak terhad kepada:

- (a) pelan dan manfaat yang dipilih untuk setiap kategori pekerjaan;
- (b) bilangan pekerja;
- (c) umur pekerja pada hari jadi akan datang;
- (d) sumbangan tambahan (jika ada) disebabkan bidang perniagaan atau pengunderaitan.

Sumbangan boleh dibayar melalui cek atau pemindahan pembayaran dalam talian atas permintaan. Anda perlu memperbaharui sijil anda setiap tahun, 30 hari sebelum tamat tempoh sijil. Anda boleh merujuk kepada Lampiran 2 untuk amaun sumbangan bagi pelan masing-masing. Sila berunding dengan wakil PruBSN anda untuk sebut harga.

## **6. Apa yang berlaku apabila pekerja saya meletak jawatan atau apabila terdapat pekerja baru?**

Apabila seseorang pekerja meletak jawatan semasa tempoh perlindungan, sumbangan pro-rata akan dipulangkan. Apabila pekerja baru menyertai syarikat anda selepas perlindungan asal bermula, perlindungan takaful akan bermula dengan syarat-syarat yang relevan telah dipenuhi dan kami telah meluluskan permohonan tersebut. Sumbangan pro-rata akan dikenakan untuk pekerja baru.

## **7. Bolehkah saya menaik taraf manfaat pekerja saya?**

Menaik taraf pelan bagi kategori pekerjaan (*contohnya, naik taraf dari Pelan 5 hingga Pelan 6 bagi kategori Pengurus*) hanya dibenarkan pada pembaharuan sijil dan mesti digunakan secara konsisten mengikut kategori pekerjaan. Bagi pekerja yang dinaikkan pangkat ke kategori pekerjaan yang lebih tinggi, tarikh berkuat kuasa pelan yang dinaik taraf hendaklah mengikut tarikh kami dimaklumkan.

## **8. Apakah Pra-kebenaran Tuntutan?**

Apabila manfaat pilihan GHS dipilih, Ahli yang Dilindungi dan tanggungan mereka (*jika berkenaan*) boleh menikmati Pra-kebenaran Tuntutan, seperti Surat Jaminan sekiranya dimasukkan ke hospital, untuk perbelanjaan berkaitan perubatan yang ditanggung di hospital panel kami, tertakluk pada terma dan syarat dokumen sijil.

Sekiranya Ahli yang Dilindungi dimasukkan ke hospital di hospital yang bukan salah satu hospital panel kami, Ahli yang Dilindungi hendaklah membayar semua kos atau perbelanjaan yang ditanggung di hospital tersebut dan mengemukakan borang tuntutan untuk pembayaran balik, tertakluk pada terma dan syarat dokumen sijil.

Untuk maklumat lanjut mengenai senarai hospital panel, sila berjumpa dengan wakil PruBSN anda.

## **9. Apakah syarat-syarat penting bagi GADD dan GPPD?**

### **Had Manfaat**

- (a) Sekiranya Ahli yang Dilindungi mengalami lebih daripada satu Kejadian Kerugian pada satu-satu masa, PruBSN akan membayar amanah manfaat tertinggi untuk hanya 1 Kejadian Kerugian selaras dengan Skala Manfaat seperti yang dinyatakan dalam Lampiran 1.
- (b) Jumlah maksimum yang perlu dibayar bagi semua tuntutan yang dibuat bagi Ahli yang Dilindungi di bawah manfaat ini tidak boleh melebihi Jumlah Perlindungan GADD dan GPPD berkenaan dengan:
  - (i) Kemalangan yang sama; dan
  - (ii) Kemalangan yang berlaku pada Tahun Sijil.

## **10. Apakah syarat-syarat penting bagi GAMR?**

Jumlah maksimum yang perlu dibayar bagi semua tuntutan yang dibuat bagi Ahli yang Dilindungi di bawah manfaat ini tidak boleh melebihi Jumlah Perlindungan GAMR.

## **11. Apakah syarat-syarat penting bagi GCI dan GCIA?**

### **Tempoh Menunggu**

- (a) kelayakan untuk Serangan Jantung, Pembedahan Pintasan Arteri Koronari, Penyakit Arteri Koronari Serius, Kanser atau Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari di bawah sijil hanya akan bermula selepas tempoh menunggu 60 hari dari tarikh berkuat kuasa perlindungan.
- (b) kelayakan untuk semua penyakit kritis lain di bawah sijil hanya akan bermula selepas tempoh menunggu selama 30 hari dari tarikh berkuat kuasa perlindungan.

### **Had Manfaat**

Untuk Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari, hanya 10% daripada manfaat akan dibayar sehingga jumlah maksimum sebanyak RM25,000.

### **Tempoh Hidup**

Manfaat GCIA tidak akan dibayar jika yang Dilindungi meninggal dunia dalam tempoh tujuh hari setelah didiagnosis dengan Penyakit Kritis.

## **12. Apakah syarat-syarat penting bagi GTI?**

### **Tempoh Menunggu**

Kelayakan untuk Penyakit Terminal di bawah sijil hanya akan bermula selepas tempoh menunggu selama 30 hari dari tarikh berkuat kuasa perlindungan.

## **13. Apakah syarat-syarat penting bagi GETI?**

Manfaat tahunan akan dibayar pada ulang tahun pertama tarikh TPD dan pada setiap ulang tahun berikutnya tarikh TPD sehingga ulang tahun ke-10 tarikh TPD atau sehingga kematian Ahli Dilindungi, yang mana lebih awal.

## **14. Apakah syarat-syarat penting bagi GHS?**

### **Had Manfaat**

Jumlah manfaat GHS yang layak yang perlu dibayar bagi setiap Ahli yang Dilindungi sepanjang tempoh perlindungan adalah tertakluk pada Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan dan Had Tahunan Keseluruhan.

### **Tempoh Menunggu**

Perlindungan bermula dengan serta-merta selepas penerimaan untuk Kemasukan ke Hospital akibat Kemalangan tetapi:

- (i) Bagi Penyakit Spesifik<sup>6</sup>, perlindungan akan bermula selepas 120 hari;
- (ii) Bagi penyakit lain, perlindungan akan bermula selepas 30 hari; dan
- (iii) Bagi Kedaan Sedia Ada, perlindungan akan bermula 12 bulan selepas tarikh berkuat kuasa perlindungan.

### **Bayaran Bersama**

Sekiranya Ahli yang Dilindungi dimasukkan ke hospital dan dikenakan kadar Bilik dan Penginapan yang dipaparkan yang lebih tinggi daripada manfaat mengikut kelayakan, ahli hendaklah menanggung 20% daripada manfaat lain yang memenuhi kelayakan seperti yang dijelaskan dalam Jadual Manfaat GHS.

### **Rawatan di Luar Negara**

Sekiranya Ahli yang Dilindungi berada di luar Malaysia, manfaat hanya akan dibayar untuk kecemasan perubatan, dengan syarat amaun pembayaran balik tidak melebihi Caj Berpatut dan Biasa Diamalkan bagi rawatan yang setaraf dengannya di Malaysia.

Rawatan di luar negara untuk penyakit atau kecederaan yang didiagnosis di Malaysia dan keadaan bukan kecemasan atau bukan kronik di mana rawatan boleh dengan munasabahnya ditangguh sehingga Ahli yang Dilindungi kembali ke Malaysia adalah dikecualikan.

### **Penaikan Taraf Manfaat GHS**

Sekiranya manfaat GHS Ahli yang Dilindungi dinaik taraf tetapi Ahli yang Dilindungi tersebut mengalami penyakit dan/atau kecederaan sebelum GHS dinaik taraf, manfaat GHS yang akan dibayar akan mengikut pelan sebelum tarikh naik taraf itu.

<sup>6</sup>Penyakit Spesifik bermaksud penyakit-penyakit berikut dan keadaan serta komplikasi yang berkaitan:

- (a) Hipertensi, kencing manis dan penyakit kardiovaskular;
- (b) Semua tumor, kanser, sista, nodul, polip, batu dalam sistem kencing dan sistem biliary;
- (c) Sebarang penyakit telinga, hidung (termasuk sinus) dan tekak;
- (d) Hernia, hemoroid, fistula, hidrosele, varikosele;
- (e) Sebarang penyakit sistem pembentukan termasuk endometriosis; atau
- (f) Sebarang masalah tulang belakang (termasuk cakera tergelincir) dan penyakit lutut.



# **PENGECUALIAN**

## **Kematian dan Manfaat Elaun Khairat Kematian (CA)**

PruBSN tidak akan membayar manfaat kematian dan CA sekiranya kematian adalah secara langsung atau tidak langsung sekiranya ia disebabkan oleh:

- (a) Keadaan Sedia Ada dalam 12 bulan dari tarikh berkuat kuasa perlindungan; atau
- (b) Ahli yang Dilindungi, yang bukan warganegara Malaysia, yang menetap atau berkunjung ke luar Malaysia untuk lebih daripada 90 hari berturut-turut.

## **Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD) dan Manfaat Group Employee Takaful Income (GETI)**

PruBSN tidak akan membayar manfaat TPD dan GETI sekiranya hilang upaya itu secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh:

- (a) percubaan membunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri walaupun waras atau tidak waras;
- (b) perperangan, penaklukan, keganasan negara asing (sama ada perang diisyiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, ketenteraan atau rampasan kuasa, aktiviti pengganas atau pengambilan bahagian dalam rusuhan, mogok atau gangguan awam;
- (c) mana-mana pelanggaran atau cubaan melanggar undang-undang, atau menentang penahanan;
- (d) terlibat atau mengambil bahagian dalam sukan profesional, penyelaman skuba, sebarang jenis perlumbaan (termasuk penerjunan lelabah, geluncur angin, menaiki belon panas, penerjunan payung terjun dan penerjunan udara) atau sebarang aktiviti atau sukan merbahaya;
- (e) perjalanan dalam pesawat selain daripada sebagai juruterbang, anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang, di atas kapal terbang komersial berlesen yang membawa penumpang dan beroperasi secara berjadual melalui laluan yang ditetapkan sahaja;
- (f) sebarang Keadaan Sedia Ada; atau
- (g) Ahli yang Dilindungi, yang bukan warganegara Malaysia, yang menetap atau berkunjung ke luar Malaysia untuk lebih daripada 90 hari berturut-turut.

## **Manfaat Group Accidental Death and Disablement (GADD) dan Manfaat Group Accidental Medical Reimbursement (GAMR)**

PruBSN tidak akan membayar Manfaat GADD dan GAMR sekiranya kematian, kecederaan atau kehilangan adalah secara langsung atau tidak langsung sekiranya ia disebabkan oleh:

- (a) perperangan, penaklukan, keganasan negara asing (sama ada perang diisyiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, ketenteraan atau rampasan kuasa, pengambilan bahagian secara langsung dalam rusuhan, mogok atau gangguan awam;
- (b) mana-mana pelanggaran atau cubaan melanggar undang-undang, atau menentang penahanan;
- (c) percubaan membunuh diri atau kecederaan diri yang disengajakan dalam keadaan waras atau tidak waras;
- (d) kehamilan, melahirkan anak, keguguran atau sebarang komplikasi yang berkaitan;
- (e) pendedahan diri kepada bahaya dengan sengaja kecuali cubaan untuk menyelamatkan nyawa manusia;
- (f) penggunaan mesin jentera kayu jenis kuasa kecuali alat mudah alih yang menggunakan tangan dan digunakan semata-mata bagi tujuan persendirian tanpa ganjaran;
- (g) Ahli yang Dilindungi yang terlibat atau mengambil bahagian dalam aktiviti sukan profesional, penyelaman skuba, sebarang jenis perlumbaan, penerbangan udara (termasuk penerjunan lelabah, geluncur angin, menaiki belon panas, penerjunan payung terjun dan penerjunan udara) selain daripada sebagai anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang, di atas kapal terbang komersial berlesen yang membawa penumpang dan beroperasi secara berjadual mengikut laluan biasa, atau sebarang aktiviti atau sukan merbahaya;
- (h) racun, gas atau wasap diambil dengan sukarela atau letupan atom, pembelahan nuklear atau bahan radioaktif, bahan kimia atau pencemaran biologi;
- (i) penggunaan narkotik alkohol atau dadah melainkan diambil mengikut preskripsi Doktor; atau
- (j) Ahli yang Dilindungi, yang bukan warganegara Malaysia, yang menetap atau berkunjung ke luar Malaysia untuk lebih daripada 90 hari berturut-turut.

### **Manfaat Group Partial and Permanent Disability (GPPD)**

PruBSN tidak akan membayar Manfaat GPPD sekiranya kecederaan atau kehilangan adalah secara langsung atau tidak langsung sekiranya ia disebabkan oleh:

- (a) perperangan, penaklukan, keganasan negara asing (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, ketenteraan atau rampasan kuasa, pengambilan bahagian secara langsung dalam rusuhan, mogok atau gangguan awam;
- (b) mana-mana pelanggaran atau cubaan melanggar undang-undang, atau menentang penahanan;
- (c) percubaan membunuh diri atau kecederaan diri yang disengajakan dalam keadaan waras atau tidak waras;
- (d) kehamilan, melahirkan anak, keguguran atau sebarang komplikasi yang berkaitan;
- (e) sebarang Keadaan Sedia Ada;
- (f) pendedahan diri kepada bahaya dengan sengaja kecuali cubaan untuk menyelamatkan nyawa manusia;
- (g) penggunaan mesin jentera kayu jenis kuasa kecuali alat mudah alih yang menggunakan tangan dan digunakan semata-mata bagi tujuan persendirian tanpa ganjaran;
- (h) Ahli yang Dilindungi yang terlibat atau mengambil bahagian dalam aktiviti sukan profesional, penyelaman skuba, sebarang jenis perlumbaan, penerbangan udara (termasuk penerjunan lelabah, geluncur angin, menaiki belon panas, penerjunan payung terjun dan penerjunan udara) selain daripada sebagai anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang, di atas kapal terbang komersial berlesen yang membawa penumpang dan beroperasi secara berjadual mengikut laluan biasa, atau sebarang aktiviti atau sukan merbahaya;
- (i) racun, gas atau wasap diambil dengan sukarela atau letupan atom, pembelahan nuklear atau bahan radioaktif, bahan kimia atau pencemaran biologi;
- (j) penggunaan narkotik alkohol atau dadah melainkan diambil mengikut preskripsi Doktor;
- (k) kewujudan AIDS atau adanya jangkitan virus immunodefisiensi manusia (HIV) pada Ahli yang Dilindungi; atau untuk lebih daripada 90 hari berturut-turut.

### **Manfaat Group Critical Illness (GCI)/Manfaat Group Critical Illness Additional (GCIA)**

PruBSN tidak akan membayar manfaat GCI/GCIA sekiranya disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:

- (a) sebarang tuntutan yang mana Penyakit Kritis dan gejala Penyakit Kritis itu ditunjukkan pada bila-bila masa sebelum atau dalam Tempoh Menunggu GCI/GCIA;
- (b) sebarang Keadaan Sedia Ada;
- (c) sebarang percubaan membunuh diri atau kecederaan diri yang disengajakan dalam keadaan waras atau tidak waras;
- (d) kewujudan AIDS atau kehadiran sebarang jangkitan HIV dalam Ahli yang Dilindungi. Satu-satunya pengecualian ini adalah sama ada Penyakit Kritis yang dituntut untuk dirinya sendiri adalah Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah, AIDS Dengan Gejala Penuh atau Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) Dijangkiti Melalui Pekerjaan; atau
- (e) penggunaan narkotik, alkohol atau dadah melainkan diambil mengikut preskripsi Doktor; atau
- (f) Ahli yang Dilindungi, yang bukan warganegara Malaysia, yang menetap atau berkunjung ke luar Malaysia untuk lebih daripada 90 hari berturut-turut.

### **Manfaat Group Terminal Illness (GTI)**

PruBSN tidak akan membayar manfaat GTI jika:

- (a) Penyakit Terminal dan gejala Penyakit Terminal tersebut muncul pada bila-bila masa sebelum atau dalam Tempoh Menunggu GTI; atau
- (b) Ahli Yang Dilindungi didiagnosis menghidap Penyakit Terminal yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh sebarang Keadaan Sedia Ada.

### **Manfaat Group Hospital and Surgical (GHS)**

PruBSN tidak akan membayar Manfaat GHS sekiranya disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:

- (a) sebarang Keadaan Sedia Ada dalam tempoh 12 bulan dari tarikh berkuat kuasa perlindungan;
- (b) Penyakit Spesifik yang berlaku dalam tempoh 120 hari pertama sama ada dari tarikh berkuat kuasa perlindungan;
- (c) sebarang penyakit yang berlaku dalam tempoh 30 hari pertama sama ada tarikh perlindungan takaful Orang yang Dilindungi dalam manfaat pilihan ini, kecuali Hilang Upaya akibat Kemalangan;
- (d) rawatan pesakit luar tidak akan dibayar sekiranya ia tidak berkaitan dengan Kemasukan ke Hospital atau Pembedahan Harian yang dilindungi di bawah manfaat pilihan ini;
- (e) terutamanya untuk tujuan penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan sinar-X, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis Hilang Upaya yang dilindungi atau sebarang rawatan yang tidak Perlu Dari Segi Perubatan dan apa-apa rawatan pencegahan, ubat-ubatan atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh Pakar Perubatan, dan rawatan khusus untuk mengurangkan atau menambah berat badan;

- (f) pembedahan plastik/kosmetik elektif (kecuali pembedahan rekonstruktif untuk mengembalikan fungsi), hiperhidrosis, berkhatan, pemeriksaan mata untuk rabun dekat, rabun jauh atau astigmatisme, alat bantuan visual dan pembiasaan atau pembedahan pembetulan rabun dekat (Keratotomi radial) dan penggunaan atau perolehan perkakas atau alat prostetik luaran seperti tidak terhad kepada anggota tiruan, alat bantuan pendengaran, radas koklea, perentak luaran atau sementara, dan preskripsi yang berkaitan;
- (g) keadaan pergigian termasuk rawatan pergigian atau pembedahan mulut kecuali diperlukan kerana kecederaan akibat kemalangan untuk memulihkan fungsi pada gigi asal yang sihat yang berlaku semasa tempoh terdapat perlindungan takaful di bawah manfaat pilihan ini;
- (h) sebarang rawatan atau pembedahan untuk keabnormalan atau kecacatan kongenital termasuk penyakit keturunan;
- (i) kos/perbelanjaan perkhidmatan yang bukan bersifat perubatan, seperti televisyen, telefon, perkhidmatan teleks, radio atau kemudahan seumpamanya, kit/ pek kemasukan dan perbelanjaan bukan perubatan yang lain;
- (j) psikotik, gangguan mental atau saraf (termasuk apa-apa neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya);
- (k) penjagaan peribadi, rehat pulih atau penjagaan sanitasi;
- (l) penyalahgunaan dadah, gangguan akibat ketagihan daripada sebarang jenis penggunaan atau penyalahgunaan bahan atau alkohol, di bawah pengaruh alkohol, penyakit kelamin dan sekuelanya, AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau ARC (Kompleks Berkaitan AIDS) dan penyakit berkaitan HIV, serta sebarang penyakit boleh berjangkit yang memerlukan kuarantine di sisi undang-undang;
- (m) bunuh diri, percubaan membunuh diri atau kecederaan diri yang disengajakan dalam keadaan waras atau tidak waras;
- (n) kehamilan, kelahiran anak (termasuk kelahiran secara pembedahan), keguguran, pengguguran kandungan, dan jugaan serta pembedahan pranatal atau postnatum, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia, rawatan berkaitan ketaksuburan. Disfungsi erektil dan ujian atau rawatan berkaitan impoten atau pensterilan;
- (o) sebarang jenis perlumbaan (kecuali lumba lari atau lumba jalan kaki), sukan berbahaya seperti, tetapi tidak terhad kepada, terjun di udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan alat pernafasan, sukan lasak musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti yang menyalahti undang-undang;
- (p) perperangan atau sebarang tindakan perperangan, sama ada diisyiharkan atau tidak diisyiharkan, aktiviti jenayah atau keganasan, serangan musuh asing, berkecimpung dalam mana-mana angkatan bersenjata, menyertai mogok, rusuhan, kekacauan awam, pemberontakan, revolusi atau sebarang operasi perperangan;
- (q) sebarang tempoh Kemasukan ke Hospital atau Pembedahan Harian kecuali sepanjang tempoh kemasukan atau pembedahan dan semua perkhidmatan hospital yang diberikan adalah Perlu Dari Segi Perubatan, disyorkan dan diluluskan oleh Doktor dengan rawatan diagnosis untuk hilang upaya yang perlu masuk ke hospital atau Pembedahan Harian, yang mana berkenaan;
- (r) radiasi ion dan pencemaran radioaktif daripada mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuklear akibat proses ledakan nuklear atau akibat daripada apa-apa bahan senjata nuklear;
- (s) perbelanjaan yang ditanggung untuk pendermaan mana-mana bahagian badan atau organ oleh Orang yang Dilindungi dan kos perolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma ketika pemindahan organ dan komplikasinya;
- (t) pemeriksaan dan rawatan apnea tidur dan gangguan dengkur, terapi penggantian hormon dan terapi alternatif seperti rawatan, khidmat atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada rawatan kiropraktik, akupunktur, akutekanan, refleksologi, pemulihan tulang, terapi oksigen hiperbarik, rawatan pakar herba, urutan atau terapi aroma atau rawatan alternatif yang lain;
- (u) penjagaan atau rawatan yang tidak memerlukan bayaran atau kos tersebut akan dibayar oleh mana-mana takaful atau indemiti lain yang melindungi Orang yang Dilindungi dan Kehilangan Upaya yang timbul daripada tanggungjawab pekerjaan atau profesion yang dilindungi di bawah Kontrak Takaful Pampasan Pekerja;
- (v) penerbangan persendirian selain daripada sebagai penumpang yang membayar tambang dalam mana-mana penerbangan komersial berjadual yang dilesenkan untuk membawa penumpang melalui laluan yang telah ditetapkan;
- (w) perbelanjaan yang ditanggung untuk menukar jantina atau transformasi jantina;
- (x) kegagalan Orang yang Dilindungi untuk dapatkan atau mengikut nasihat perubatan yang munasabah; atau
- (y) Orang yang Dilindungi, yang bukan warganegara Malaysia, yang menetap atau berkunjung ke luar Malaysia untuk lebih daripada 90 hari berturut-turut.

Sila ambil perhatian bahawa senarai Pengecualian ini adalah terhad dan anda harus rujuk kepada Sijil Induk untuk maklumat lanjut.

## **NOTA-NOTA PENTING**

1. Risalah ini hanya untuk tujuan ilustrasi dan maklumatnya mungkin tidak terhad. Ini tidak mengikat sebarang kontrak di antara anda dan **Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN)**. Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada Lampiran Keterangan Produk PruBSN SME@Work sebelum menyertai sebarang pelan takaful, dan merujuk kepada terma dan syarat dalam dokumen sijil untuk maklumat lanjut mengenai ciri-ciri penting pelan.
2. Sebarang rujukan kepada umur adalah berdasarkan umur pada hari jadi akan datang.
3. Adalah penting untuk memilih pelan (termasuk manfaat-manfaat pilihan) yang anda mampu dan sesuai dengan keperluan pekerja anda.
4. **PruBSN SME@Work** tidak menyediakan sebarang manfaat daripada Dana *Tabarru`* apabila sijil diserah atau pada tamat tempoh sijil.
5. Anda perlu memperbaharui sijil secara tahunan, sebelum tamatnya sijil. Pembaharuan sijil dan kadar sumbangan adalah tidak dijamin. PruBSN boleh menyemak semula kadar sumbangan pembaharuan, menyemak semula terma dan syarat atau menolak pembaharuan sijil berdasarkan pengalaman tuntutan dan keadaan tertentu yang lain. Bagi Manfaat Group Hospital and Surgical, kadar sumbangan boleh meningkat sekiranya berlaku pengalaman tuntutan buruk atau sejajar dengan inflasi tuntutan perubatan, jika berkenaan. Kami akan memberikan notis secara bertulis mengenai semakan ini kepada anda (Pemegang Sijil Induk).
6. **PruBSN SME@Work** adalah berdasarkan persetujuan bantuan bersama (*Ta`awun*) di mana sebahagian daripada sumbangan ditolak dan dikumpulkan ke dalam Dana *Tabarru`* bersama dengan sumbangan peserta-peserta yang lain untuk memberikan manfaat kewangan bersama yang boleh dibayar kepada semua peserta takaful yang layak. Berdasarkan prinsip *Wakalah bi al-ujrah*, PruBSN akan menguruskan pelan takaful anda sebagai pulangan untuk Caj *Wakalah* yang tersenarai di atas.
7. **Penolakan *Tabarru`*** adalah satu persetujuan di mana sebahagian daripada sumbangan anda diletakkan ke dalam dana untuk membantu Ahli yang Dilindungi yang memerlukannya menerusi manfaat-manfaat yang layak diterima.
8. Anda, sebagai pemilik/peserta pelan ini berhak menerima 50% daripada lebihan yang boleh diagihkan (jika ada) daripada Dana *Tabarru`* dan PruBSN akan menerima baki sebanyak 50% sebagai yuran prestasi kerana menguruskan Dana *Tabarru`*. Amaun tepat lebihan yang boleh diagihkan akan dinilai secara tahunan dan tertakluk pada kelulusan kedua-dua Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah PruBSN.
9. Terdapat tempoh rujukan percuma selama 15 hari selepas penghantaran sijil anda untuk membolehkan anda mengkaji sama ada ia memenuhi keperluan anda. Sekiranya sijil ini dibatalkan dalam tempoh ini, kami akan memulangkan kepada anda sumbangan yang telah dibayar termasuk cukai (jika ada) yang dibayar ditolak sebarang perbelanjaan perubatan yang ditanggung oleh PruBSN.
10. Jika anda membatalkan sijil sebelum tarikh tamat sijil, anda layak memperolehi pemulangan dengan syarat sijil ini masih berkuat kuasa, sumbangan yang telah dibayar sehingga kini dan tiada tuntutan yang telah dibuat selama tahun sijil semasa. Bagi Manfaat Group Hospital and Surgical, pemulangan sumbangan adalah berdasarkan jadual pembatalan. Bagi manfaat-manfaat selain daripada Manfaat Group Hospital and Surgical, sumbangan pro-rata akan dipulangkan. Jika anda menukar pelan perubatan semasa anda dengan yang lain atau dari satu pembekal yang lain, anda mungkin tertakluk pada keperluan pengunderaitan baru dan tempoh menunggu untuk pelan baru.
11. Tempoh penangguhan hanya berkenaan atas pembaharuan. Anda diberi tempoh penangguhan 30 hari selepas tarikh sumbangan patut dibayar untuk membayar sumbangan.
12. Sumbangan yang tidak dibayar bagi ahli tambahan akan menyebabkan penamatkan Ahli yang Dilindungi tersebut daripada pelan ini.
13. Cukai pada kadar semasa boleh dikenakan ke atas mana-mana sumbangan, caj atau bayaran lain di bawah pelan ini, jika berkenaan.
14. Sekiranya terdapat sebarang perenggahan atau ketidakselarasan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia bagi risalah ini dan bagi tujuan tafsiran dan struktur, versi Bahasa Inggeris bagi risalah ini akan diguna pakai dan berkuat kuasa.

## LAMPIRAN 1

Skala Manfaat untuk Manfaat GADD dan GPPD

**Skala Manfaat**

Item	Kejadian(-kejadian) Kerugian		% Manfaat GADD <sup>7</sup>	% Manfaat GPPD <sup>8</sup>
1.	Kematian		100	-
2.	Hilang upaya kekal dan menyeluruh		100	-
3.	Hilang dua anggota		100	100
4.	Hilang kedua-dua belah tangan atau semua jari dan kedua-dua ibu jari		100	100
5.	Hilang semua penglihatan kedua-dua belah mata		100	100
6.	Hilang tangan pada atau di atas paras pergelangan tangan		100	100
7.	Hilang kaki pada atau di atas paras pergelangan kaki		100	100
8.	Hilang semua penglihatan sebelah mata		100	100
9.	Hilang semua penglihatan sebelah mata kecuali persepsi cahaya		50	50
10.	Hilang kanta pada sebelah mata		50	50
11.	Hilang pertuturan		50	50
12.	Hilang empat jari dan ibu jari		70	70
13.	Hilang empat jari		40	40
14.	Hilang ibu jari	kedua-dua ruas	30	30
		satu ruas	15	15
15.	Hilang jari	tiga ruas jari	10	10
		dua ruas jari	7.5	7.5
		satu ruas jari	5	5
16.	Hilang metakarpus	pertama atau kedua (tambahan)	3	3
		ketiga, keempat atau kelima (tambahan)	2	2
17.	Hilang semua jari kaki sebelah kaki		15	15
18.	Hilang ibu jari kaki	kedua-dua ruas	5	5
		satu ruas	2	2
19.	Hilang jari kaki lain, setiap satu		2	2
20.	Patah kaki atau tulang patela yang tidak boleh disambung		10	10
21.	Pemendekan kaki sekurang-kurangnya 2.5 cm		7.5	7.5
22.	Hilang pendengaran	kedua-dua belah telinga	75	75
		sebelah telinga	15	15
23.	Hilang seluruh telinga	kedua-dua belah	6	6
		sebelah	3	3

<sup>7</sup>Manfaat Group Accidental Death and Disablement (GADD) – Sebab Kermalangan sahaja.

<sup>8</sup>Manfaat Group Partial and Permanent Disability (GPPD) – Semua Sebab.

## LAMPIRAN 2

### Kadar Sumbangan

#### Pelan 1

Umur	CA	GTT	GCI	GCIA	GADD	GPPD	GAMR	GETI	GTI
	1,000	20,000	10,000	10,000	20,000	20,000	1,000	2,000	20,000
16 - 35	4.16	15.40	13.20	16.80	19.80	14.80	17.46	1.70	0.20
36 - 40	4.76	28.60	23.10	29.80	19.80	14.80	17.46	3.30	0.60
41 - 45	5.66	48.40	40.70	51.40	19.80	14.80	17.46	5.70	0.80
46 - 50	7.06	79.20	62.70	81.40	19.80	14.80	17.46	9.40	1.40
51 - 55	9.86	140.80	94.60	126.00	19.80	14.80	17.46	18.90	2.60
56 - 60	14.46	242.00	157.30	215.40	19.80	14.80	17.46	32.80	4.40
61 - 65	21.66	400.40	222.20	309.10	19.80	14.80	17.46	63.20	7.20
66 - 69*	31.56	618.20	277.20	387.40	19.80	14.80	17.46	116.90	11.20

#### Pelan 2

Umur	CA	GTT	GCI	GCIA	GADD	GPPD	GAMR	GETI	GTI
	2,000	30,000	15,000	15,000	30,000	30,000	1,500	3,000	30,000
16 - 35	4.86	23.10	19.80	25.20	29.70	22.20	26.19	2.60	0.30
36 - 40	6.06	42.90	34.65	44.70	29.70	22.20	26.19	5.00	0.90
41 - 45	7.86	72.60	61.05	77.10	29.70	22.20	26.19	8.50	1.20
46 - 50	10.66	118.80	94.05	122.10	29.70	22.20	26.19	14.00	2.10
51 - 55	16.26	211.20	141.90	189.00	29.70	22.20	26.19	28.40	3.90
56 - 60	25.46	363.00	235.95	323.10	29.70	22.20	26.19	49.20	6.60
61 - 65	39.86	600.60	333.30	463.65	29.70	22.20	26.19	94.70	10.80
66 - 69*	59.66	927.30	415.80	581.10	29.70	22.20	26.19	175.30	16.80

#### Pelan 3

Umur	CA	GTT	GCI	GCIA	GADD	GPPD	GAMR	GETI	GTI
	2,000	60,000	30,000	30,000	60,000	60,000	2,000	6,000	60,000
16 - 35	4.86	46.20	39.60	50.40	59.40	44.40	34.92	5.20	0.60
36 - 40	6.06	85.80	69.30	89.40	59.40	44.40	34.92	9.90	1.80
41 - 45	7.86	145.20	122.10	154.20	59.40	44.40	34.92	17.00	2.40
46 - 50	10.66	237.60	188.10	244.20	59.40	44.40	34.92	28.10	4.20
51 - 55	16.26	422.40	283.80	378.00	59.40	44.40	34.92	56.80	7.80
56 - 60	25.46	726.00	471.90	646.20	59.40	44.40	34.92	98.30	13.20
61 - 65	39.86	1,201.20	666.60	927.30	59.40	44.40	34.92	189.50	21.60
66 - 69*	59.66	1,854.60	831.60	1,162.20	59.40	44.40	34.92	350.60	33.60

#### Pelan 4

Umur	CA	GTT	GCI	GCIA	GADD	GPPD	GAMR	GETI	GTI
	3,000	100,000	50,000	50,000	100,000	100,000	3,000	10,000	100,000
16 - 35	5.56	77.00	66.00	84.00	99.00	74.00	52.38	8.60	1.00
36 - 40	7.36	143.00	115.50	149.00	99.00	74.00	52.38	16.50	3.00
41 - 45	10.06	242.00	203.50	257.00	99.00	74.00	52.38	28.30	4.00
46 - 50	14.26	396.00	313.50	407.00	99.00	74.00	52.38	46.80	7.00
51 - 55	22.66	704.00	473.00	630.00	99.00	74.00	52.38	94.60	13.00
56 - 60	36.46	1,210.00	786.50	1,077.00	99.00	74.00	52.38	163.90	22.00
61 - 65	58.06	2,002.00	1,111.00	1,545.50	99.00	74.00	52.38	315.80	36.00
66 - 69*	87.76	3,091.00	1,386.00	1,937.00	99.00	74.00	52.38	584.40	56.00

\*Untuk pembaharuan sahaja

## LAMPIRAN 2

Kadar Sumbangan

### Pelan 5

Umur	CA	GTT	GCI	GCIA	GADD	GPPD	GAMR	GETI	GTI
	Amaun Manfaat (RM)								
	4,000	150,000	75,000	75,000	150,000	150,000	4,000	15,000	150,000
16 - 35	6.26	115.50	99.00	126.00	148.50	111.00	69.84	12.90	1.50
36 - 40	8.66	214.50	173.25	223.50	148.50	111.00	69.84	24.80	4.50
41 - 45	12.26	363.00	305.25	385.50	148.50	111.00	69.84	42.50	6.00
46 - 50	17.86	594.00	470.25	610.50	148.50	111.00	69.84	70.20	10.50
51 - 55	29.06	1,056.00	709.50	945.00	148.50	111.00	69.84	141.90	19.50
56 - 60	47.46	1,815.00	1,179.75	1,615.50	148.50	111.00	69.84	245.90	33.00
61 - 65	76.26	3,003.00	1,666.50	2,318.25	148.50	111.00	69.84	473.70	54.00
66 - 69*	115.86	4,636.50	2,079.00	2,905.50	148.50	111.00	69.84	876.60	84.00

### Pelan 6

Umur	CA	GTT	GCI	GCIA	GADD	GPPD	GAMR	GETI	GTI
	Amaun Manfaat (RM)								
	5,000	200,000	100,000	100,000	200,000	200,000	5,000	20,000	150,000
16 - 35	6.96	154.00	132.00	168.00	198.00	148.00	87.30	17.20	1.50
36 - 40	9.96	286.00	231.00	298.00	198.00	148.00	87.30	33.00	4.50
41 - 45	14.46	484.00	407.00	514.00	198.00	148.00	87.30	56.60	6.00
46 - 50	21.46	792.00	627.00	814.00	198.00	148.00	87.30	93.60	10.50
51 - 55	35.46	1,408.00	946.00	1,260.00	198.00	148.00	87.30	189.20	19.50
56 - 60	58.46	2,420.00	1,573.00	2,154.00	198.00	148.00	87.30	327.80	33.00
61 - 65	94.46	4,004.00	2,222.00	3,091.00	198.00	148.00	87.30	631.60	54.00
66 - 69*	143.96	6,182.00	2,772.00	3,874.00	198.00	148.00	87.30	1,168.80	84.00

\*Untuk pembaharuan sahaja

### Manfaat Group Hospital and Surgical (GHS)\*\*

Pelan	A	B	C	D	E	F
	Bilik dan Penginapan Hospital (RM)					
	80	100	150	200	250	350
Pekerja sahaja	378.00	494.00	622.00	816.00	983.00	1,176.00
Pekerja & Pasangan	849.00	1,107.00	1,397.00	1,832.00	2,208.00	2,641.00
Pekerja & Anak	961.00	1,248.00	1,569.00	2,053.00	2,470.00	2,953.00
Pekerja & Keluarga	1,432.00	1,860.00	2,345.00	3,067.00	3,694.00	4,418.00

\*\*Kadar sumbangan GHS adalah termasuk Caj TPA.

Kadar sumbangan di atas adalah:

- Tidak termasuk cukai.
- Berdasarkan kehidupan standard dan sumbangan tambahan mungkin diperlukan, tertakluk pada pengunderitaan.

## APAKAH ITU TAKAFUL?

Suatu perkiraan yang berasaskan pertolongan secara bersama yang di bawahnya peserta takaful bersetuju untuk menyumbang kepada suatu kumpulan wang yang sama yang menyediakan manfaat kewangan bersama yang dibayar kepada peserta takaful itu atau kepada benefisiarinya pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu.

Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam

Takaful diambil daripada istilah Arab 'kafala' yang membawa erti "**Jaminan bersama**" atau **menjamin antara satu sama lain**.

Secara literal, Takaful bermaksud tanggungjawab, jaminan, dan perjanjian bersama. Secara umum, takaful diasaskan atas persetujuan kerjasama (*Ta`awun*) berdasarkan prinsip persamaan dan perpaduan, merangkumi elemen-elemen pampasan bersama dan kepentingan bersama.

Terdapat tiga (3) aspek persamaan yang terangkum dalam takaful, iaitu pertolongan bersama, tanggungjawab bersama, dan perlindungan bersama.

Apabila seseorang terlibat dalam skim takaful, dia bukan sahaja mencari perlindungan untuk dirinya, malah bekerjasama dengan peserta-peserta lain untuk sama-sama menyumbang antara satu sama lain ketika memerlukan.



**PERTOLONGAN BERSAMA**



**PERLINDUNGAN BERSAMA  
DARIPADA KERUGIAN**



**TANGGUNGJAWAB BERSAMA**



Secara intipatinya, takaful adalah berasaskan prinsip "***Ta`awun*** (**kerjasama/pertolongan bersama**) di mana penglibatan penyertaannya adalah ***Tabarru` at*** (**kebajikan**).

Pelan ini ditaja jamin oleh:

# PRUDENTIAL BSN

---

## TAKAFUL

**PruBSN SME@Work** adalah produk yang patuh Syariah.

Prudential BSN Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk maklumat/pertanyaan lanjut, sila hubungi:

### PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD

No. Syarikat 200601020898 (740651-H)

Tingkat 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat,  
55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.



03 2778 2155



prubsn.cgbd@prubsn.com.my



SMS PruBSN dan hantarkan ke **33080**



[www.facebook.com/prubsn](http://www.facebook.com/prubsn)



[www.instagram.com/prubsn\\_official](http://www.instagram.com/prubsn_official)



[www.linkedin.com/company/prudential-bsn-takaful-berhad](http://www.linkedin.com/company/prudential-bsn-takaful-berhad)

**Penting:** Anda seharusnya memastikan bahawa pelan ini mampu memenuhi keperluan pekerja anda dan sumbangan yang dibayar di bawah pelan ini merupakan jumlah yang anda mampu bayar.

*Semua maklumat adalah betul semasa penerbitan. Diterbitkan Julai 2024.*